



Alam Anugerah Terindah

Sistem Bahasa (Kertas 1)

Bahagian A

Bahagian yang bergaris dalam ayat-ayat berikut mungkin mengandungi kesalahan penggunaan bahasa atau mungkin juga tidak.

Tandakan sama ada A, B atau C jika ayat itu mengandungi kesalahan dan tandakan D jika tiada kesalahan.

- | | |
|---|---|
| <p>1 Kajian oleh Jabatan Alam Sekitar telah mendapati bahawa <u>pencemaran sungai</u> disebabkan oleh pembuangan sampah sarap, sisa toksik dan pembalakan.
A mendapati lalu pencemaran sungai
B mendapati agar pencemaran sungai
C mendapati untuk pencemaran sungai
D mendapati bahawa pencemaran sungai</p> <p>2 Aktiviti mendaki gunung dapat menyihatkan badan sambil <u>keindahan alam nikmati</u>.
A menikmati keindahan alam
B menikmati keindahan alam
C menikmati indahkan alam
D keindahan alam nikmati</p> | <p>3 <u>Antara-antara faktor tanah runtuh</u> ialah projek pembangunan yang tidak seimbang dan aktiviti pembalakan yang tidak terkawal.
A Antara faktor tanah runtuh
B Antara faktor tanah-tanah runtuh
C Antara faktor-faktor tanah runtuh
D Antara-antara faktor tanah runtuh</p> <p>4 Kajian tentang masalah hakisan tanah itu mengambil masa selama <u>satu setengah tahun</u>.
A satu sesetengah tahun
B satu setahun tengah
C satu tahun setengah
D satu setengah tahun</p> |
|---|---|

Bahagian B

Gabungkan ayat-ayat tunggal berikut menjadi ayat majmuk menggunakan kata hubung yang sesuai.

- 1 Longkang itu dipenuhi pelbagai sampah sarap.
Longkang itu berbau busuk dan kotor airnya.

- 2 Penduduk kampung itu mendesak pihak berwajib.
Penduduk kampung ingin mempercepat pembinaan jambatan di kampung mereka.

- 3 Program penanaman pokok diadakan.
Program penanaman pokok mengurangkan masalah pemanasan global.

- 4 Ali tidak mahir dalam mata pelajaran Matematik.
Ali mahir dalam mata pelajaran Bahasa Inggeris.

- 5 Xiao Mei memohon cuti daripada majikannya.
Xiao Mei ingin melancong ke luar negara.
